



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SELASA 9 OGOS 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	FOOD PRODUCTS OFFERED WITH DISCOUNTS AT AGRO EXPO, THE SUN -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	AYAM GERGASI RM6,000 SEDAP DIMAKAN, KOSMO -ONLINE	
3.	JUS BAMBANGAN, BUAH UNIK BORNEO, KOSMO -ONLINE	
4.	GOGOPASAR TERPILIH TERIMA ANUGERAH, KOSMO -ONLINE	
5.	LEBIH 20,000 POKOK SERLAH KEINDAHAN MIRACLE GARDEN, BH -ONLINE	
6.	CHINA PRESS -ONLINE	
7.	NANYANG SIANG PAU -ONLINE	
8.	GUANG MING DAILY -ONLINE	
9.	AGROBANK SERAH KAD TAKAFUL KASIH UNTUK PESAWAH, SH -ONLINE	AGROBANK

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Food products offered with discounts at agro expo

**KUALA LUMPUR:** The National Farmers' Organisation (Nafas) is offering various promotions on its Peladang brand in the food product segment, in conjunction with the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition (Maha), which runs until Aug 14.

Visitors can buy Peladang brand products at reasonable prices, in addition to getting promotional discounts of up to 30% on selected items at the Nafas Pavilion located in Hall A of the Malaysia Agro Exposition Park Serdang.

Frozen chicken, even bottled cooking oil and various packaged food products are among the items that can be found at the Nafas booth.

Nafas business management senior manager Baharozaman Mohid said Maha allows the organisation to highlight its brand, and thus introduce products of local entrepreneurs in the market.

"We have two marketing strategies, one to highlight the Peladang brand in the market, and the other to give entrepreneurs the opportunity to penetrate the market online," he said during the exhibition at the Nafas Pavilion.

Baharozaman said Nafas is also targeting 10,000 sales of Peladang brand products per day throughout the exhibition, with a focus on efforts to promote the brand to consumers,



International Trade and Industry Senior Minister Datuk Seri Azmin Ali (left) and Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Khande visiting a booth at the Malaysian Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition in Serdang yesterday – **HAFIZ SOHAIMI/THESUN**

in addition to expanding its brand network in the market.

A visitor from Putrajaya, Raudah Abdul Rahman, said the prices of Peladang brand products available at

Maha were very reasonable, especially the frozen raw products, adding that she was not going to pass up the chance to buy them.

Impressed with the near

packaging of Peladang products and the wide range of food, civil servant Muhammad Khairi Mustapa said he was keen to snap them all up.

– Bernama

Buff orpington adalah baka kedua terbesar di dunia

# Ayam gergasi RM6,000 sedap dimakan

**MAHA 2022**  
Malaysia Agriculture, Horticulture & Agrotourism Show

Oleh HARRITH HISHAM

**SERDANG** – Selain reptilia dan lembu sado, seekor ayam gergasi baka *buff orpington* yang pertama di Malaysia juga turut 'dipamerkan' kepada pengunjung di Laman Ternakan sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Ayam yang merupakan baka kedua terbesar di dunia itu mencuri tumpuan orang ramai, ditambah pula dengan sifat semula jadinya yang jinak.

Pemilik dan pengusaha Adik Abang Farm Enterprise, Mustapa Omar berkata, selain daripada saiz badan dan warnanya yang menyerlah, ia juga antara ayam yang paling sedap untuk dimakan.

"Ayam ini kita bawa dari Turkiye dan dibiak di sini kerana Malaysia belum ada lagi ayam baka *buff orpington* disebabkan harganya yang tinggi.

"Tujuan kita bawa ayam ini ekor saiz badannya yang besar dan juga memiliki sifat semula jadi yang jinak.

"Kalau untuk makan, boleh dikatakan isi dagingnya antara yang paling sedap serta mengeluarkan telur yang lebih besar," katanya ketika ditemui di sini baru-baru ini.

Jelasnya, ayam berkenaan yang baru berusia lima bulan dan memiliki berat sebanyak 3



**MUSTAPA menunjukkan ayam baka buff orpington miliknya di MAHA 2022, Serdang baru-baru ini.**

kilogram (kg) boleh mencecah sehingga 13kg apabila matang.

"Kebiasaannya berat matang ayam ini akan dicapai lebih kurang setahun empat bulan. Sebab itu ia berada dalam kategori kedua baka terbesar di dunia," ujarnya.

Mengulas lanjut, Mustapa berharap dengan penganjuran MAHA 2022 dapat memberi pendedahan berkaitan ternakan ayam khusus baka dari luar

negara untuk dijadikan sebagai produk komersial.

"Seperti yang kita tahu di Malaysia jenis ayam ini tidak banyak. Jadi tak salah kalau kita komersialkan baka dari luar.

"Sekarang ini kami nak fokuskan pada pembiakan dan saya galakkan ramai lagi penternak di luar untuk mencuba. Untuk sepasang ayam Orpington ini kita jual pada harga RM6,000, manakala RM3,500 untuk seekor," katanya.

# Jus bambangan, buah unik Borneo

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**SERDANG** - Jus bambangan dihasilkan daripada buah bambangan yang hanya terdapat di Sabah dan Sarawak antara produk unik boleh didapati pada Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022.

Pengusaha RASS Enterprise, Rosmah Ajumarih, 48, berkata, buah bambangan atau nama saintifiknya, *longeness manggafera* merupakan 'adik-beradik' buah mangga tetapi ia sejenis pokok liar tumbuh di kawasan Kepulauan Borneo.

Katanya, dia mengusahakan jus tersebut sejak 2015 selepas mendapat bimbingan daripada Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan Sabah serta tenaga pengajar daripada Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

"Untuk penduduk Sabah, buah ini biasa dimakan dengan merebusnya bersama ikan atau

pelbagai masakan lain selain dimakan begitu sahaja.

"Rasanya seperti mangga dan tidak ada di Semenanjung. Jadi apabila mendapat bimbingan, saya mengusahakannya dengan membuat jus," katanya kepada *Kosmo!* semalam.

Dalam pada itu, dia berkata, setakat ini produk jus bambangan mendapat sambutan menggalakkan daripada peminat di Sabah serta dipasarkan di sana sahaja.

"Untuk Semenanjung pula, permintaan diterima adalah dalam kalangan individu sahaja," katanya.

Rosmah berkata, sejak pembukaan gerai di MAHA 2022, dia menerima maklum balas yang baik daripada pengunjung malah, mereka tertarik dengan keunikan buah tersebut.

Katanya, jus buah itu dijual dengan harga RM10 sebotol iaitu 300 milimeter (ml) dan 340 ml serta promosi RM20 untuk tiga botol (300 ml) dan RM25 untuk tiga botol (340 ml).



**ROSMAH** bersama produk jus dihasilkan daripada buah bambangan yang hanya terdapat di Kepulauan Borneo iaitu Sabah, Sarawak dan Kalimantan, Indonesia.

# Gogopasar terpilih terima anugerah

**PETALING JAYA** – Gogopasar (Gogopasar), syarikat pemula niaga di bawah Kumpulan FGV Holdings Berhad (FGV) telah dipilih menjadi penerima anugerah Bintang e-Dagang Agro bersempena majlis penyampaian anugerah Agro Award bersempena Pameran Pertanian Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA 2022) baru-baru ini.

Majlis penyampaian anugerah itu telah disempurnakan oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Klandee kepada Ketua Pegawai Eksekutifnya, Lynn Alias baru-baru ini.

Selain anugerah, Gogopasar turut menerima hadiah wang tunai sebanyak RM30,000 beserta trofi.

Mengulas mengenai kejayaan tersebut, Lynn menjelaskan, pemilihan tersebut berdasarkan kepada faktor keunikan yang dimiliki syarikat berbanding pemain dalam platform e-dagang yang begitu aktif dalam memainkan peranan-

nya memberi manfaat kepada komuniti dengan menjalankan program tanggung jawab sosial korporat (CSR) bersama badan bukan kerajaan serta sektor swasta selain agensi kerajaan.

"Pada fasa awal operasi syarikat, kami telah berusaha membina jenama dan keyakinan pelanggan serta masyarakat kepada Gogopasar, menambah nilai kepada pasaran sedia ada sekali gus mempromosikan produk dan perkhidmatan sedia ada.

"Kini, Gogopasar telah mula mendapat pengiktirafan dan menjalin banyak kerjasama dengan beberapa majlis agama negeri untuk membantu kumpulan sasaran dan golongan kurang berkemampuan," katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian anugerah tersebut.

Tambah Lynn, anugerah tersebut bakal menyuntik semangat kepada kakitangan untuk terus menyumbang kepada usaha mengukuhkan rangkaian bekalan makanan negara.



**LYNN (kanan, depan) menerima replika cek dan trofi Anugerah Bintang e-Dagang Agro daripada Klandee di Kuala Lumpur semalam.**

# Agrobank serah kad Takaful Kasih untuk pesawah

**SHAH ALAM** - Agrobank telah menyerahkan replika kad Takaful Kasih untuk pesawah di bawah program Komuniti Industri Tani Bernas (KITA) pada Ahad.

Ia merupakan salah satu usahasama di antara Agrobank dan Padiberas Nasional Berhad (Bernas) dalam membina komuniti tani yang mampan sekaligus menawarkan peluang dan nilai tambah melangkaui perbankan kepada setiap pesawah di bawah program KITA bagi meneraju peningkatan hasil padi

dalam pasaran Malaysia.

Penyerahan replika kad Takaful Kasih telah disempurnakan oleh Presiden/ Ketua Pegawai Eksekutif, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin kepada Ketua Bahagian Pengurusan Konsesi dan Aktiviti Hujung BERNAS, Abdul Rahman Mohd Nasrid dan disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, Pelan Perlindungan Takaful Kasih Plus

itu telah dibangunkan khas oleh Agrobank untuk membantu dan menambah pelan perlindungan takaful kepada ahli program KITA.

"Pada masa yang sama, ia untuk menarik minat lebih ramai pengusahapengusaha tanaman padi agar turut sama menjadi ahli Program KITA, dengan nilai sumbangan serendah lima sen sehan atau sumbangan tahunan berjumlah RM21.20 sahaja.

"Ia juga merupakan kesinambungan daripada usaha berterusan Agrobank

untuk terus mendukung pertumbuhan sektor pertanian dan agromakanan negara, selaras dengan Dasar Agromakanan Negara yang bertujuan untuk meningkatkan Tahap Sara Diri (SSL) makanan," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau turut mengingatkan kepada orang ramai bahawa situasi yang tidak diduga dan di luar kawalan boleh berlaku kepada sesiapa sahaja dan pada bila-bila masa.

"Maka, manfaat yang ditawarkan dalam Pelan Perlindungan Takaful Kasih oleh Agrobank ini sangat membantu dalam situasi di mana dana kecemasan kita tidak mencukupi dan jika berlaku musibah kematiannya, maut takaful seperti ini akan dapat mengurangkan sedikit beban yang akan ditanggung oleh waris dalam mereka meneruskan kehidupan mereka.

"Setakat hari ini, lebih 6,000 pesawah KITA telah menema perlindungan Takaful Kasih daripada Agrobank dan pelan ini memberikan perlindungan terhadap kemalangan kepada orang yang dilindungi sebelum tamat tempoh sijil Takaful," katanya.

Bersempena MAHA 2022 yang sedang berlangsung di Maepps sehingga 14 Ogos ini, Agrobank turut menawarkan kad istimewa bagi pelan perlindungan Takaful Kasih Plus Edisi MAHA 2022.

Untuk yang berminat boleh mengunjungi booth Agrobank di Dewan A MAEPPS, Serdang.



Tengku Ahmad Badli Shah (kiri), Haslina (tengah) dan Abdul Rahman (kanan) memegang replika kad Takaful Kasih bersama kakitangan Agrobank dan tetamu yang hadir di booth Agrobank di Dewan A MAEPPS, Serdang.

# Lebih 20,000 pokok serlah keindahan Miracle Garden

**Laman Florikultur ketengah lapan taman bunga**

**Serdang:** Lebih 20,000 pokok daripada 77 spesies bunga dan herba digunakan bagi menyerlahkan keindahan konsep Miracle Garden yang mewarnai Laman Florikultur pada Perameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) tahun ini.

Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan, berkata pembinaan landskap yang mendapat kerjasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Landskap, Perbadanan Putrajaya dan Pos Malaysia itu juga turut menampilkan elemen fauna, termasuk penggunaan kira-kira 300 rama-rama serta

alunan pancuran air.

Beliau berkata, secara keseluruhan, terdapat lapan taman bunga diketengahkan iaitu Taman Pelangi, Taman Vertikal, Taman Bunga Matahari, Taman Tropika, Taman Petunia, Taman Orkid, Taman Urban dan Taman Inggeris.

Mempunyai keunikan yang berbeza antara satu sama lain, beliau berkata, Taman Bunga Matahari diolah dengan menyusun rapat ratusan bunga bagi memberikan impak seakan sinaran mentari, selain dihiasi dengan struktur cermin dan kinclang yang memberikan pantulan refleksi serta membangkitkan keinginan pengunjung untuk merakamkan gambar.

"Sementara itu, Taman Tropika pula mengtengahkan lebih 15 daripada spesies tumbuhan herba dan bunga eksotik yang jarang ditemui oleh orang ramai. Ini termasuk spesies tumbuhan bunga *Giant bird of paradise*, lempoyang, *rattle snake* dan seplid udang yang lazimnya hanya boleh ditemui di kawasan hutan

tanah tinggi seperti Cameron Highlands, Pahang.

"Setiap tumbuhan di sini (Taman Tropika) mempunyai fungsi etnobotani yang baik, tidak hanya bersifat cantik, malah boleh dijadikan ubat kepada manusia. Oleh itu, apabila berada di taman ini, kami percaya pengunjung akan dapat merasai pengalaman seperti sedang berada di dalam hutan tropika," katanya.

## Persona Hyde Park

Zahimi berkata, selain itu, elemen kolam buatan, pancuran air, pagar, kerbang arca dan kerusi taman juga digunakan untuk melengkapi Taman Hiasan Semusim serta pokok juniper di Taman Inggeris bagi memberikan pesona seakan-akan Hyde Park, London.

Katanya, di Taman Bandar pula, pengunjung disajikan kelainan dengan berpeluang melihat beberapa arca bermotifkan daun selain divedahkan dengan aktiviti pertanian bandar yang menggunakan kaedah konven-



Zahimi bersama Menteri Perpaduan Negara, Datuk Halimah Mohamed Sadique pada majlis perasmian Laman Florikultur sempena MAHA 2022 di Serdang. (FOTO BERNAMA)

sional iaitu batas tanaman atau *raised bed* serta pertanian moden hidropomik di laman rumah atau di kawasan kebun komuniti.

"Konsep pertanian ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pengunjung untuk menikmati barangan dapur dan menjana pendapatan sampingan. Antara tanaman yang sesuai untuk penanaman ini ialah pokok limau purut, pokok limau kasturi, kunyit, pandan wangi, pudina, kari dan cili api," katanya.

Zahimi berkata selain itu, Jabatan Pertanian turut menyedaikan pelbagai aktiviti sampingan seperti demonstrasi

penghasilan produk kecantikan menggunakan bunga dan herba, jualan input pertanian, kuiz dan hiburan santai sepanjang pameran bagi menarik kehadiran kira-kira 1.1 juta pengunjung.

Laman Florikultur adalah satu daripada lapan laman pertanian selain Laman Perikanan, Laman Padi, Laman Ternakan, Laman Herba dan Sayur, Laman Buah-Buahan, Laman Nanas dan Laman Jentera yang iawar-nai MAHA 2022 bertemakan 'Seri Kuriti Makanan Untuk Masa Depan' di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di sini.

BERNAMA

# 出席園藝農業旅遊展被拖車 農業部促停止取締

(吉隆坡8日讯) 农业与食品工业部 (MAFI) 已要求2022年农业、园艺和农业旅游展主办方在活动举办期间, 停止在沙登农业博览馆 (MAEPS) 一带取缔违例车辆的行动。

该部是针对媒交媒体在8月7日出现有关一位公众出席2022年农业、园艺和农业旅游展 (MAHA) 活动时, 车辆遭拖吊和被罚款100令吉事件, 发布文告。

文告指出, 主办方在雪州沙登农业博览馆一带展开取缔行动, 主要是确保当地交通保持顺畅、每个停车场的泊车系统没阻碍。

文告说, 无论如何, 当局已要求2022年农业、园艺和农业旅游展主办方在活动进行期间, 停止一切在沙登农业博览馆举行的拖车行动。

文告指出, 媒体可直接出示媒体证件, 就可停泊在A礼堂后方, 一般访客则是把车辆停泊在准备的停车场。

分别有5000个停车位是在第1区停车场, 第2区停车场共有3500个停车位, 驾车人士也受促把车辆停泊在适合的地点, 以免影响到交通和其他公路使用者。

截至8月7日, 已有40万4000人出席2022年农业、园艺和农业旅游展。




在農村的田野間，各家各戶的農家樂在農  
 業的田野間，各家各戶的農家樂在農  
 業的田野間，各家各戶的農家樂在農



報導：李唯

# 農業旅遊展盛大舉行 13州屬區 設展區



閩南4年，由福州  
 西區農業、園藝及農業展  
 覽會主辦的2022年馬來  
 農業旅遊展(MAMA)已在沙  
 朥越舉行。和往年農業旅遊  
 展不同的是，今年展覽以自  
 然環境的友好機會。

本屆的展覽展期為9月4日  
 起至11日(星期四)，以  
 沙朥越和檳城兩地為展  
 覽地點。

該展覽除了設有農  
 業、園藝、水果、蔬菜、糧  
 食、和花卉的展示外，也  
 設有各種的DIY手工藝、  
 和各種的DIY手工藝、

同時，現場亦有「農  
 果展售」。其目的為讓農  
 民將自己的各種水果、節  
 節、和各種的DIY手工藝、

此外，現場亦設有「加  
 展區，讓農民可以將自己  
 的各種水果、節節、和各種  
 的DIY手工藝、

此外，現場亦設有「加  
 展區，讓農民可以將自己  
 的各種水果、節節、和各種  
 的DIY手工藝、

此外，現場亦設有「加  
 展區，讓農民可以將自己  
 的各種水果、節節、和各種  
 的DIY手工藝、



不少民衆參與和研學。(李唯攝)



民衆在展覽會上參觀花卉展區。(馬新社區)



1. 一箱箱的鮮果吸引眾多民衆的注意。(馬新社區)

2. 民衆在展覽會上參觀和研學。(馬新社區)

3. 民衆在展覽會上參觀和研學。(馬新社區)

# 慕斯達法：增加農民收入

## 批飼養甘榜雞扶貧計劃

Integrated Farming私人有限公司推介以ALMA为品牌的甘榜鸡饲养计划，作为响应政府的国家农业食品政策2.0 (NAP 2.0)。

(沙登8日讯)首相署部长拿督斯里慕斯达法指出，为了协助减低赤贫问题，政府批准联邦土地发展局 (Felda) 的1036项专门饲养甘榜鸡的扶贫计划。

他今天在2022年大马农业、园艺及农业旅游展 (MAHA 2022) 上，推介国家稻米公司 (Bernas) 和Aeon Big公司签署合作备忘录仪式后在记者会说，甘榜鸡市场需求增加，而且政府也希望能够通过饲养甘榜鸡扶贫计划，让农民参与饲养甘榜鸡，协助增加农民的收入。

他指出，首阶段的扶贫将着重于全国联邦土地发展局的80个地点，其中有10个地点涉及养鸡。

“这只是一个试验性的计划，迄今已有六七家公司同意参与政府的扶贫计划。”

他透露，接下来的两个星期，他们会增加到100个地点，目标是今年杪总共开发逾250个地点，政府已与这些同意参与的公司负责人会面商讨。

FGV控股有限公司是通过子公司FGV

FGV是与国家稻米公司合作，主要供应米碎和玉米来生产新配方的甘榜鸡饲料，符合“变废为宝”的倡议。

慕斯达法说，自行生产新配方饲料将能减低10%的进口饲料成本，尤其我国依赖进口玉米。

“这些一年重达3万公吨的农业副产品，将被用作生产甘榜鸡的饲料也就是ALMA。”

他表示，通过生产这些高营养的饲料，有助减低对进口饲料的依赖，同时也能确保鸡价稳定和供应。

他说，今天签署的合作计划包括FGV Integrated Farming私人有限公司与Aeon Big，即届时每天供应1000只甘榜鸡给Aeon Big超市，没有经过中间人，因此可协助提高饲养甘榜鸡的农民收入。

出席仪式者包括农业及食物工业部副部长聂扎瓦威、FGV控股有限公司首席执行官拿督莫哈末纳兹鲁、国家稻米公司集团董事长拿督哈利斯等。(BPK)